

NO. SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7902

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan cyber cafe yang diambil tindakan kerana judi setiap tahun sejak tahun 2010.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) memandang serius aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di cybercafe di seluruh negara. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutama di kalangan golongan remaja.

Pihak polis telah melancarkan operasi khas pada 26 Oktober 2014 di seluruh negara bagi membanteras kegiatan perjudian yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket perjudian. Tindakan terhadap premis-premis perjudian dan sindiket adalah berlandaskan undang-undang sedia ada termasuklah:-

- a) Mengambil tindakan ke atas pemain, penjaga premis dan pengajur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953.**

- b) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian berinternet dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan serta mengkaji kemungkinan mengambil tindakan alternatif di bawah Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (POCA) jika tiada keterangan kukuh untuk dituduh di Mahkamah.**

- c) Meningkatkan serbuan secara berterusan serta bekerjasama dengan lain-lain agensi Kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta pihak Kerajaan Tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.
- d) Membuat permohonan kepada pihak TNB dan SYABAS untuk tindakan permotongan bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.

Statistik serbuan premis cybercafe yang menjalankan kegiatan perjudian dan jumlah tangkapan dan rampasan bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan Januari - Mac 2015 adalah seperti berikut:

| KONTINJEN | SERBUAN | | | | | | TANGKAPAN | | | | | | RAMPASAN MESIN | | | | | |
|------------|---------|------|------|------|------|--------------|-----------|-------|-------|-------|-------|--------------|----------------|-------|--------|-------|--------|--------------|
| | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | JAN-MAC 2015 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | JAN-MAC 2015 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | JAN-MAC 2015 |
| K. LUMPUR | 1828 | 1867 | 1602 | 671 | 1161 | 93 | 3393 | 4278 | 3066 | 1591 | 2334 | 331 | 14411 | 15048 | 12293 | 9017 | 21447 | 822 |
| SELANGOR | 1880 | 1496 | 1829 | 1761 | 3812 | 200 | 2039 | 2317 | 2320 | 2179 | 4181 | 687 | 28823 | 20565 | 29924 | 28788 | 60980 | 1646 |
| JOHOR | 868 | 1704 | 1978 | 451 | 394 | 74 | 683 | 3176 | 5007 | 1405 | 2775 | 296 | 7203 | 25487 | 37488 | 9081 | 5711 | 1270 |
| P. PINANG | 290 | 813 | 685 | 424 | 442 | 27 | 440 | 990 | 796 | 680 | 610 | 243 | 3410 | 9496 | 7997 | 5940 | 6828 | 560 |
| SABAH | 132 | 128 | 252 | 239 | 326 | 14 | 398 | 281 | 527 | 623 | 659 | 107 | 1393 | 2145 | 3171 | 4344 | 5077 | 155 |
| PERAK | 410 | 592 | 252 | 417 | 452 | 15 | 416 | 658 | 947 | 464 | 841 | 129 | 4871 | 11900 | 9200 | 5587 | 7423 | 211 |
| SARAWAK | 7 | 18 | 256 | 316 | 936 | 136 | 41 | 61 | 674 | 1077 | 2555 | 619 | 41 | 273 | 2435 | 3647 | 11683 | 2011 |
| PAHANG | 146 | 223 | 690 | 695 | 622 | 10 | 517 | 1062 | 4156 | 3551 | 3575 | 50 | 804 | 2620 | 10639 | 8838 | 14135 | 45 |
| KEDAH | 313 | 577 | 683 | 747 | 465 | 32 | 568 | 1026 | 1684 | 2133 | 1457 | 152 | 2088 | 5281 | 8753 | 10637 | 6137 | 228 |
| N/SEMBILAN | 231 | 528 | 497 | 212 | 244 | 11 | 280 | 536 | 501 | 236 | 328 | 14 | 2088 | 5955 | 7871 | 3468 | 4175 | 63 |
| MELAKA | 4 | 95 | 248 | 157 | 289 | 18 | 19 | 209 | 543 | 211 | 430 | 62 | 32 | 487 | 2592 | 1466 | 5141 | 153 |
| PERLIS | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 | 0 | 0 |
| T/GANU | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 6 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 5 |
| KELANTAN | 0 | 0 | 2 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 89 | 0 | 30 | 0 |
| JUMLAH | 6109 | 8041 | 8974 | 6091 | 9152 | 632 | 8794 | 14594 | 20224 | 14157 | 19758 | 2697 | 65164 | 99257 | 132452 | 90819 | 148769 | 7169 |

Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menukuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk memastikan gejala judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan bahawa premis tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram. Pihak JIPS telah

membuat pemantauan di seluruh negara mulai bulan November 2014 sehingga kini. Statistik pemantauan yang dijalankan oleh pihak JIPS bermula November 2014 sehingga 3 Mac 2015 adalah seperti berikut:-

| | |
|-------------------|-----------|
| JUMLAH PEMANTAUAN | 35,832 |
| PREMIS TUTUP | 35,058 |
| PREMIS BUKA | 808 |
| SERBUAN | 161 |
| TANGKAPAN | 620 ORANG |
| RAMPASAN BARANG | 1,105 |
| RAMPASAN WANG | RM 26,939 |

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku. Namun demikian, usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.